

Pekebun kecil rayu bantuan #Bajet2023

Muhamad Shaifullah Tayep
Oktober 4, 2022 @ 2:36pm

Kuala Lumpur: Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Parlimen ke-14 yang bersidang selama 32 hari bermula 3 Oktober hingga 29 November ini akan menumpukan Pembentangan Bajet 2023.

Parlimen menerusi laman sesawangnya berkongsi Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2023 itu bakal dibentangkan Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz pada 7 Oktober ini, jam 4 petang.

Pembentangan Bajet 2023 akan terus memberi penekanan kepada kebajikan Keluarga Malaysia dan juga kesediaan negara berdepan kemungkinan krisis ekonomi global yang lebih mencabar berbanding sebelum ini.

Terdahulu, Kementerian Kewangan (MOF) turut melancarkan Portal Cadangan Bajet 2023 yang ditutup pada 16 September lalu supaya rakyat dapat berkongsi pendapat dan idea dalam proses penyediaan bajet.

Setakat Ogos lalu, lebih 30 cadangan diutarakan dalam Majlis Konsultasi Bajet 2023 yang menyentuh aspek rakyat, perniagaan, ekonomi dan kerajaan, selaras dengan tema 'Memperkukuh Pemulihan dan Memudah Cara Pembaharuan Ke Arah Kemampanan Daya Tahan Ekonomi dan Kesejahteraan Keluarga Malaysia.'

Menurut MOF, antara cadangan itu adalah memperkukuh program untuk meningkatkan pendapatan rakyat berpendapatan rendah, menyediakan peluang dan bantuan kepada golongan B40, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) serta meningkatkan pembangunan modal insan dan tenaga mahir.

Golongan pekebun kecil kelapa sawit turut tidak terkecuali mengemukakan cadangan supaya kerajaan membantu menyalurkan bantuan tunai serta subsidi yang lebih bersasar dengan kadar bersesuaian.

Selepas penurunan harga komoditi sebanyak 50 peratus dan kenaikan input pertanian seperti baja, racun serta peralatan pertanian lain, pekebun kecil kelapa sawit berharap sumbangan yang diberikan dapat memberi pulangan dalam bentuk insentif.

Khor Chin Kang, 65, yang mengusahakan kebun sawit seluas 1.74 hektar di Kampung Kanchong Darat, memohon kerajaan memperkenalkan Skim Penstabilan Harga Sawit dan Skim Jaringan Keselamatan untuk melindungi pekebun kecil sepertinya.

Cadangan pengenalan skim jaringan keselamatan seperti insurans tanaman adalah langkah penting selepas mengambil kira impak perubahan iklim sehingga mencetuskan cuaca tidak menentu dan bencana meletakkan nasib pekebun kecil kelapa sawit dalam risiko, kerana situasi sebegini menjejaskan pengeluaran hasil buah tandan segar, terutama apabila banjir.

Golongan itu turut mencadangkan agar kerajaan mengurangkan kadar faedah dikenakan bawah skim pinjaman kelapa sawit daripada dua peratus kepada satu peratus bagi mengurangkan bebanan peminjam, oleh kerana keadaan ekonomi jualan sawit yang kini tidak menentu.

Yahya Basiron, 67, pula berkata, tambahan bantuan sememangnya diperlukan sebagai persediaan buat penggiat sektor agrikomoditi agar mampu terus bertahan dan berdaya saing dalam mencapai objektif integrasi tanaman dengan sawit iaitu meningkatkan bekalan bahan mentah dalam negara.

Justeru, penawaran akses komprehensif seperti latihan dan geran buat komuniti pekebun juga penting untuk membantu memperkasakan capaian kemahiran serta keupayaan masyarakat Orang Asli menceburi sektor tanaman komoditi itu.

Terdapat juga syor supaya infrastruktur seperti pembinaan jalan masuk ke kebun kelapa sawit dan pembinaan sistem perparitan untuk mengelak tanaman sawit ditenggelami banjir sehingga boleh merencatkan pengeluaran buah tandan sawit.

Yahya berkata, golongan pekebun kecil kelapa sawit sangat mengharapkan kerajaan menumpukan perhatian kepada aspek infrastruktur seperti pembinaan jalan, sistem perparitan dan pelbagai lagi bagi mengelak banjir misalnya.

"Bayangkan apabila berlakunya banjir, ia memang akan beri kesan ke atas pengeluaran buah tandan sawit segar. Justeru, ia memerlukan dua tahun untuk pokok pulih dan dapat hasilkan buah tandan baharu," katanya.